

**Tsu Koon umum ketua Gerakan Pulau Pinang hari ini**  
**The Malaysian Insider**  
**17 November , 2011**  
**Oleh Jahabar Sadiq**

KUALA LUMPUR, 17 Nov — Gerakan dijangka menamakan setiausaha agungnya Teng Chang Yeow atau naib ketua Pulau Pinang Ong Thean Lye untuk mengetuai kepimpinan peringkat negeri, sebahagian usaha mahu merampas balik kerajaan negeri daripada DAP dalam pilihan raya umum ke-13.

The Malaysian Insider difahamkan Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon (gambar) akan mengumumkan pengganti peringkat negeri ekoran tekanan daripada ahli-ahli parti yang merasakan bekas ketua menteri Pulau Pinang itu tidak sesuai berbanding pemimpin-pemimpin lalu seperti mendiang Tun Lim Chong Eu dan Tun Dr Lim Keng Yaik.

“Teng Chang Yeow ada kelebihan tetapi Dr Koh kemungkinan memilih Ong Thean Lye, yang juga setiausaha politiknya,” kata satu sumber kepada The Malaysian Insider mengenai pemilihan kepimpinan Pulau Pinang yang akan diumumkan pagi ini.

Satu lagi sumber mengesahkan pengumuman itu berkaitan dengan kepimpinan Pulau Pinang memandangkan penyandangannya juga akan mengetuai kepimpinan Barisan Nasional (BN) negeri.

Gerakan tewas di kesemua 13 kerusi Dewan Undangan Negeri yang disandangnya. Umno ada 11 kerusi sekarang.

“Dr Koh akan bercakap mengenai Pulau Pinang, yang itu pasti. Mengenai masa depannya, tidak siapa yang tahu dengan pasti,” kata sumber itu lagi.

Pendirian di Putrajaya ialah ketua Gerakan yang lemah lembut itu seharusnya meletakkan jawatan sebagai ketua parti komponen sebelum pilihan raya umum jika perikatan tersebut mahu merampas balik Pulau Pinang daripada Pakatan Rakyat.

Sementara Koh tidak diselubungi sebarang isu rasuah dan salah guna kuasa seperti pemimpin-pemimpin lain, beliau dilihat sebagai pemimpin yang tidak tegas dan simbol kepimpinan BN yang ditolak oleh pengundi pada 2008.

Pengerusi BN dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah bercakap dalam pertemuan-pertemuan tertutup mengenai keperluan menyegarkan kepimpinan Gerakan dengan bakat-bakat muda dan memperakui bahawa parti-parti komponen BN memerlukan kepimpinan baru jika mahu kembali berkuasa di Pulau Pinang, yang kini diketuai oleh Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Tiga hari lalu, Najib berkata bahawa beliau tidak akan memanggil pilihan raya umum tahun ini, tetapi telah mengadakan pemimpin komponen BN malam kelmarin. Beliau menafikan ia berkaitan dengan pilihan raya.

Kelmarin, Koh dipetik media berkata pengumuman hari ini termasuklah pelan fasa pertama bagi pembaharuan dan perubahan Gerakan.

“Pada 17 November ini (hari ini), saya akan buat pengumuman penting mengenai hala tuju Gerakan dan agenda Gerakan untuk rakyat Malaysia. Semua dijemput datang,” katanya.

Bagaimanapun dalam kenyataannya itu beliau enggan menyatakan sama ada pengumuman tersebut akan termasuk agenda kelangsungan hidup dirinya sendiri dalam parti, terutamanya menjelang pilihan raya umum ke-13.

Koh, yang telah menerajui parti sejak 2008, sering dikritik bagi kepimpinannya yang disifatkan sebagai "lemah dan berlembut" berbanding dengan pemimpin parti terdahulu.

Soal itu turut dibangkitkan ketika persidangan tahunan parti tersebut di ibu negara bulan lalu.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tsu-koon-umum-ketua-gerakan-pulau-pinang-hari-ini/>